

**PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR
BERUNSURKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
ISLAM**

MUHAMAD ZHARIF BIN BADARUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERUNSURKAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

MUHAMAD ZHARIF BIN BADARUDDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

UPSI/PS-380/22
Form. 08 (Rev. 11)UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

Sila tandai (x)

Kertas Projek

Sertasi Penyelidikan

Sertasi Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) JUN (bulan) 2022

I. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMAD ZHARIF BIN BADARUDDIN, M20182001003, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERUNSURKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak menyalin dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


 Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERUNSURKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepentihnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 JUN 2022

Tarikh


 Tandatangan Penyelia
 DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
 Penerimaan Kertas
 Jabatan Pengajian Islam
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 Universiti Pendidikan Sultan Idris


UPSI/PS-SB/31
Revisi: 01 m/c 1/2**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR (BERUNSURKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI) DALAM PENGUJARAN DAN PENBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

No. Matrik / Matric's No.:

M20182001983

Saya / I:

MUHAMAD ZHAFFAR BIN BADARUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sajana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat penggunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahasianya 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat tertentu yang boleh dikendalikan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 10 JUN 2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Penyarah Kanan
Institut Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Carian atas Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila tempelkan surir daripada pihak berkuasa organisasi dan diurus dengan menyimpan salinannya dan lampiran laporan ini mesti dibekalkan secara SULIT dan TERHAD.

NOTE: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the water from the organization who permit and request for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Subhanallah Wabihamdihi, Subhanallah hil Azim.

Segala pujian hanya bagi Allah S.W.T Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga baginda, para sahabat r.a serta muslim dan muslimat yang dirahmati Allah S.W.T. Syukur Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran dinukilkan kehadiran Illahi kerana dengan izinNya dan limpahan berkat serta rahmatNya dapat saya melengkapkan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih khas buat ibuyah tercinta Tn. Hj. Badaruddin bin Kulop Ghaffor dan Pn. Salmah bt. Hj. Wan Yussof atas titipan doa, restu dan dorongan yang tidak putus- putus sepanjang saya menempuh alam pengajian ini. Penat lelah yang saya tempuh, merekalah penguat semangat dunia akhirat. Tidak lupa juga kepada adik beradik dan ahli keluarga tersayang yang tidak pernah jemu memberi motivasi kepada saya dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Terima kasih tidak terhingga juga buat penyelia Dr. Noor Hisyam bin Mohamad, para pensyarah UPSI dan rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang berkesan dan berguna untuk saya amalkan dan pahatkan dalam diri. Ucapan terima kasih juga buat warga UPSI dan semua pihak yang telah membantu dan memudahkan urusan saya dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Kerjasama dan bimbingan yang diberikan tidak akan saya lupakan dan sia-siakan.

Penulisan kajian ini sudah tentu mempunyai cacat cela serta kelemahan dan kekurangan. Justeru itu, saya bersedia dan berlapang dada menerima segala teguran dan nasihat bagi kebaikan saya. Akhir sekali saya berdoa dan bertawakkal kepada Allah semoga hasil kerja penulisan ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

Insyallah.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berunsurkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah negeri Perak. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kerangka teori KAP (*Knowledge, Attitude, Practice*) dengan menggunakan pendekatan kuantitatif (soal selidik). Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences Version 20.0 (SPSS)*. Seramai 320 orang guru Pendidikan Islam negeri Perak dipilih secara rawak berstrata sebagai sampel kajian untuk menjawab instrumen soal selidik. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawaian dan ujian Korelasi Spearman. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenalpasti pengetahuan, sikap dan penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam manakala analisis inferensi pula digunakan untuk menerangkan hubungan antara pengetahuan dengan penggunaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan BBM berunsurkan TMK. Dapatan kajian untuk analisis deskriptif menunjukkan pengetahuan berada pada tahap yang tinggi (min=3.88, sp=0.402) manakala sikap juga berada pada tahap yang tinggi (min=3.90, sp=0.477) dan akhir sekali penggunaan berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.25, sp=0.626). Analisis korelasi pula menunjukkan pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penggunaan ($r=0.486$, $p<0.01$). Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan dan sikap yang tinggi manakala tahap penggunaan pada sederhana tinggi terhadap BBM berunsurkan TMK. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan pengetahuan secara berterusan dari masa ke semasa dan memupuk sikap yang positif dalam diri supaya amalan penggunaan BBM berunsurkan TMK dapat dipertingkatkan dan diinovasikan seiring dengan kemodenan zaman kini.

USE OF TEACHING AIDS BASED ON INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY IN THE TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC EDUCATION

ABSTRACT

This study aims to identify the knowledge, attitude and use of Teaching Aids (BBM) based on Information and Communication Technology (TMK) in the teaching and learning process (PdP) of Islamic Education among Islamic Education teachers in Perak state primary schools. This study is survey research that uses the theoretical framework of KAP (Knowledge, Attitude, Practice) by using a quantitative approach (questionnaire). Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences Version 20.0 (SPSS) software. A total of 320 Islamic Education teachers in Perak were selected at random stratified as a sample to answer the questionnaire instruments. The data were analyzed using descriptive and inference statistics by frequency, percentage, mean, standard deviation and Spearman Correlation Test. Descriptive analysis was used to measure the knowledge, attitude, and usage of BBM of TMK in the Islamic Education PdP while inference analysis was used to explain the relationship between knowledge and usage among Islamic Education teachers towards on usage of BBM of TMK. The findings for descriptive analysis show that the knowledge was at a high level (min=3.88, sp=0.402) while the attitude was also at high levels (min=3.90, sp=0.477) and finally the uses was at a moderately high level (min=3.25, sp=0.626). On the other hand, correlation analysis shows that the knowledge had a significant relationship to the usage ($r=0.486$, $p<0.01$). In conclusion, the main findings of the study showed that the respondents have a high level of knowledge and attitude while the level of usage at medium high level towards BBM based on TMK. The implications of this study show that Islamic Education teachers need to increase their knowledge continuously and cultivate a positive attitude in themselves so that the usage of BBM of TMK can be improved and innovated due to modern life.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN v

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xvi

SENARAI SINGKATAN xvii

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 5

1.4 Objektif Kajian 10

1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Kerangka Teori Kajian	14
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.10	Batasan Kajian	18
1.10.1	Batasan Pengumpulan Data	18
1.10.2	Batasan Lokasi	18
1.10.3	Batasan Responden	19
1.10.4	Batasan Bidang dalam Matapelajaran	19
1.11	Definisi Operasional	19
1.11.1	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	20
1.11.2	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	22
1.11.3	Proses Pengajaran dan pembelajaran (PdP)	25
1.11.4	Guru Pendidikan Islam (GPI)	26
1.12	Kesimpulan	27
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	28
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	29

2.3	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	33
2.4	Pengetahuan Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK	36
2.5	Sikap Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK	39
2.6	Amalan Penggunaan BBM dan TMK dalam PdP	41
2.7	Teori KAP 'Knowledge, Attitude dan Practice'	45
2.8	Kesimpulan	49
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	50
3.1	Pendahuluan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Lokasi Kajian	52
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	52
3.5	Instrumen Kajian	54
3.6	Tatacara Kajian	55
3.6.1	Prosedur Kajian	55
3.6.2	Kesahan Kandungan Instrumen	56
3.6.3	Kajian Rintis & Kebolehpercayaan Instrumen	58
3.6.4	Kajian Sebenar & Analisis Data	60
3.7	Kesimpulan	64
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	65

4.1	Pendahuluan	65
4.2	Demografi Responden	66
4.2.1	Demografi Negeri	66
4.2.2	Demografi Daerah	67
4.2.3	Demografi Kategori Sekolah	68
4.2.4	Demografi Jantina	69
4.2.5	Demografi Umur	69
4.2.6	Demografi Pendidikan Tertinggi	70
4.2.7	Demografi Pengalaman Mengajar	71
4.3	Analisis Deskriptif	72
4.3.1	Pengetahuan Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	73
4.3.2	Sikap Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	85
4.3.3	Penggunaan BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	98
4.4	Analisis Hubungan	110
4.5	Kesimpulan	111
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	113
5.1	Pendahuluan	113
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	114

5.2.1	Pengetahuan Guru Terhadap BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	114
5.2.2	Sikap Guru Terhadap BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	116
5.2.3	Penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	118
5.2.4	Hubungan antara Pengetahuan dengan Penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	120
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	122
5.3.1	Rumusan Pengetahuan Guru Terhadap BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	122
5.3.2	Rumusan Sikap Guru Terhadap BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	123
5.3.3	Rumusan Penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	123
5.3.4	Rumusan Hubungan antara Pengetahuan dengan Penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	124
5.4	Implikasi Kajian	124
5.5	Cadangan Kajian	127
5.5.1	Guru-guru	127
5.5.2	Pihak Sekolah	130
5.5.3	Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	132

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	133
-----	--------------------------	-----

5.7	Kesimpulan	135
-----	------------	-----

RUJUKAN	137
----------------	------------

LAMPIRAN	152
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai Pakar	57
3.2	Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	60
3.3	Tahap Pengukuran Skor Min	62
3.4	Ujian Normaliti	63
3.5	Anggaran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah	63
4.1	Demografi berdasarkan negeri	67
4.2	Demografi responden berdasarkan daerah	67
4.3	Demografi Responden Berdasarkan Kategori Sekolah	68
4.4	Demografi Responden Berdasarkan Jantina	69
4.5	Demografi Responden Berdasarkan Umur	70
4.6	Demografi Responden Berdasarkan Pendidikan Tertinggi	71
4.7	Demografi Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	72
4.8	Dapatan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian untuk item-item Pengetahuan Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam.	74

- 4.9 Dapatan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian untuk item-item Sikap Guru Terhadap BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam. 86
- 4.10 Dapatan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian untuk item-item Penggunaan BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam. 98
- 4.11 Dapatan analisis data korelasi Spearman's rho pengetahuan dengan penggunaan 111

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori K-A-P	15
1.2	Kerangka Konsep Kajian Penggunaan BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam	17

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
DSKP	Dokumen Standard Kandungan Pelajaran
GPI	Guru Pendidikan Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KAP	<i>Knowledge, Attitude, Practice</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LCD	Paparan Liquid Crystal / Projektor
PAK 21	Pendidikan Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PSA	Pengetahuan, Sikap, Amalan
SAW	Sallallahu Alaihi Wassalam
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Tahap Persetujuan Pakar Terhadap Konstruksi Soal Selidik
- B Instrumen Soal Selidik
- C Surat Kelulusan Kebenaran Menjalankan Kajian
- D Surat Panel Penilai Pengesahan Pakar

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan proses sesi pengajaran serta bimbingan guru dan pembelajaran murid di dalam kelas atau diluar kelas samada secara langsung atau tidak langsung. Dalam pelaksanaan PdP perlu ada proses sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan PdP. Namun demikian, perkara penting dalam melaksanakan PdP ialah guru perlu menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan pengetahuan murid dan diiringi dengan langkah- langkah atau aktiviti PdP, bahan bantu mengajar dan refleksi (Tengku Sarina dan Yusmini, 2006; Salhah, 2009, Miller 2008).

Jika zaman dahulu tahun 60an, proses PdP menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) berteraskan papan hitam, kapur dan buku teks semata-mata. Ketika itu, alat bantu mengajar menggunakan buku teks dan dan papan hitam merupakan alat utama semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid untuk menuntut ilmu (Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin, 2010). Namun demikian, zaman



berganti zaman dan akhirnya kita berada di zaman teknologi atau globalisasi yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam membentuk suasana PdP yang lebih kreatif dan inovatif.

Konsep PAK21 iaitu Pembelajaran Abad Ke-21 diterapkan dan dilancarkan pada zaman ini yang mana ini melibatkan penggunaan TMK dalam PdP di dalam kelas. Makanya, guru-guru perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan walaupun berkaitan dengan TMK kerana mendatangkan manfaat untuk diri sendiri dan orang lain khususnya terhadap guru era ini. Sabda Rasulullah s.a.w.

عن أنس ابن مالك قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: طلب العلم فريضة
على كل مسلم



“Daripada Anas bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah s.a.w: Menuntut ilmu adalah satu kefardhuan ke atas setiap muslim.”

(Sunan Ibn Majjah, no 224)

Maka dengan itu, pengkaji akan menghuraikan dengan lanjut mengenai kajian yang merangkumi latar belakang dan pernyataan masalah yang berkaitan dengan BBM berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam serta menyenaraikan objektif dan persoalan kajian diikuti dengan kerangka kajian yang merangkumi teori sandaran terhadap kajian dalam membentuk kerangka konseptual. Seterusnya, pengkaji membincangkan batasan kajian dari aspek pengumpulan data, lokasi, sampel responden dan bidang matapelajaran. Akhir sekali, pengkaji menghuraikan dengan mendalam berkenaan definisi operasional setiap satunya.





1.2 Latar Belakang Kajian

BBM dan PdP tidak dapat dipisahkan dan ia perlu bergerak seiring kerana BBM merupakan elemen penting dalam membantu guru menyampaikan ilmu dan memudahkan murid untuk memahami sesuatu isi pelajaran. Menurut Mohd Faez Ilias dan Kamarul Azmi Jasmi (2012) mengatakan bahawa penggunaan BBM sudah lama diaplikasikan dan diterapkan dalam proses pendidikan. Zaman Nabi Muhammad pelbagai BBM telah digunapakai sebagai media pengajaran terhadap para sahabat. Ini kerana dengan penggunaan BBM dapat membentuk pelajar yang cemerlang kerana BBM berperanan sebagai pengalak kepada penumpuan pembelajaran dalam sesebuah proses pendidikan.



Terdapat pelbagai jenis BBM yang boleh diterapkan dalam PdP. BBM berunsurkan TMK sesuai diaplikasikan dalam PdP zaman kini kerana ia seiring dengan zaman teknologi Abad 21 hari ini. Pada masa yang sama, penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam proses pengajaran guru membantu guru untuk memupuk kreativiti dan penglibatan murid secara menyeluruh dalam proses pembelajaran murid di dalam kelas.

Dengan kewujudan pendekatan BBM berteraskan TMK dalam PdP, guru hanya bertindak sebagai pembimbing kepada murid untuk mereka memahami dan mempelajari sesuatu pelajaran. Dalam kajian Kamarul Azmi et.al (2011) mengatakan bahawa dalam meningkatkan keberkesanan PdP murid di dalam kelas berkonsepkan pembelajaran berpusatkan murid adalah dengan kehadiran BBM dalam proses pengajaran guru di dalam kelas. Maka ini menunjukkan BBM amat penting di dalam proses pembelajaran murid.





Menurut Mohamad Jackie (2016), ia menyokong kenyataan dan kajian Kamarul Azmi et.al (2011) dimana kajiannya juga mendapati bahawa kepentingan BBM dalam PdP amat penting dan BBM tersebut perlulah bersesuaian dengan tajuk atau isi pelajaran. Pengaplikasian BBM dalam PdP adalah salah satu kayu ukur dan cara menjadikan pengajaran guru dan pembelajaran murid yang berkualiti disamping mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dalam PdP yang berkonsepkan TMK. Menurut Zamri (2018) menyatakan bahawa penyerapan TMK sebagai BBM amat penting dalam sesebuah PdP kerana ia mengalakkan penglibatan sosial yang koperatif dan saling berkolaborasi antara sesama murid.

Pada hari ini, PdP lebih berkonsepkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang mana pembelajaran murid di sekolah pada abad ini perlulah lebih kreatif merangkumi media dan pendekatan pengajaran serta BBM yang pelbagai bagi memudahkan dan menyeronokkan murid-murid untuk membentuk ilmu pengetahuan di minda mereka (Weimer, 2002; Kamarulzaman et al., 2002).

Pelbagai media dan bahan bantu mengajar yang berkonsepkan TMK yang telah diolah dan dibentuk oleh kementerian dan pihak-pihak tertentu secara berkelompok mahupun individu seperti powerpoint, '*note slide*', replika peta i-think, lembaran kerja secara audio dan bercetak, video, lagu, kahoot, quizezz dan sebagainya untuk memudahkan guru menjalankan sesi PdP di dalam kelas. Ini kerana, kepelbagaian media pengajaran dan jenis BBM amat penting bagi menarik minat dan motivasi murid untuk menyertai pembelajaran mereka dalam sebuah PdP (Siti Fatimah dan Ab. Halim, 2010).





Oleh yang demikian, guru perlulah menggunakan segala bahan atau sumber yang berteraskan teknologi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama murid di dalam kelas. Pelbagai sumber BBM yang berunsurkan teknologi mampu untuk membantu murid dalam mendapatkan dan menghubungkan setiap maklumat dan isi pelajaran yang berbeza (Rosenberg, 2001). Maka amat perlu untuk guru menerapkan BBM berkonsepkan TMK dalam PdP di dalam kelas untuk membantu murid-murid dalam meneroka isi pelajaran yang dipelajari oleh mereka. Pada masa yang sama juga, guru perlu kreatif dalam membina dan menggunakan BBM terhadap murid-murid di dalam kelas supaya murid-murid lebih proaktif dalam mempelajari sesuatu pelajaran.



1.3 Pernyataan Masalah

Pelbagai langkah yang telah dilakukan oleh kementerian melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam meningkatkan kefahaman dan pengetahuan guru mengenai TMK dengan pelaksanaan kursus-kursus dan program-program dan sebagainya. Namun ia tetap tidak memberi impak yang positif kepada sebahagian guru kerana terdapat segelintir guru yang masih tidak mengaplikasikan TMK dalam PdP mereka.

Dari aspek elemen pengetahuan guru, merujuk kepada kajian Faizah Ja'apar (2017), menyatakan bahawa guru masih kurang pengetahuan dan kurang kepercayaan berkaitan dengan BBM dari aspek kepentingan bahan bantu mengajar dalam pengajaran guru terhadap pembelajaran murid di sekolah. Oleh kerana guru masih kurang





pengetahuan tentang kepentingan BBM maka, masih terdapat lagi segelintir guru yang hanya menggunakan 'pen marker' dan papan putih sebagai BBM dalam PdP di dalam kelas.

Disamping itu, kajian Noraini Mohamad Noh et. al. (2013) turut mendapati bahawa terdapat guru yang masih kurang pengetahuan dari aspek mencari serta membina BBM yang lebih inovasi dan kreatif. Guru hanya menggunakan bahan sedia ada daripada persekitarannya tanpa mengolah dan membentuk bahan tersebut dengan lebih kreatif dan inovatif. Sewajarnya guru perlu lebih kreatif dan inovatif terhadap bahan bantu mengajar yang sedia ada supaya murid tidak bosan dan jemu dengan bahan yang disediakan oleh guru.

Tambahan pula hari ini zaman berteknologi maka guru perlu lebih kreatif dan inovatif dengan menerapkan TMK sebagai BBM dalam PdP di sekolah. Akan tetapi, ini tidak akan tercapai jika guru masih kurang pengetahuan berkaitan dengan TMK. Kajian Mohd Firdaus et. al. (2013) mendapati masih ada guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Guru masih tidak dapat mempraktikkan TMK dalam PdP di sekolah.

Seterusnya, dari aspek elemen sikap guru terhadap penggunaan BBM berunsurkan TMK, menurut kajian Zamri (2018) mengatakan bahawa guru kurang selesa dengan pengajaran yang berpusatkan murid dan bahan sehingga guru hanya menjalankan sesi PdP yang berpusatkan guru semata-mata. Maka dengan itu, guru tidak menerapkan penggunaan bahan bantu mengajar secara menyeluruh dan meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.





Pada masa yang sama, dalam kajian Che Mohd. Noor & Ahmad (2015) turut mendapati guru masih kurang aktif dan kurang berminat untuk menggunakan BBM yang pelbagai unsur dan jenis. Guru sering menggunakan dan mengaplikasikan kaedah dan teknik mengajar menggunakan buku teks sepenuhnya dalam proses PdP di dalam kelas sehingga turut menyebabkan murid juga kurang aktif dan berminat untuk mengikuti sesuatu pelajaran. Kenyataan ini turut disokong oleh Noraini Mohamad Noh et.al. (2013), mengatakan bahawa guru kurang inovatif dan kreatif dalam mencari, membina dan mewujudkan BBM daripada persekitarannya yang tersedia ada.

Selain itu, berdasarkan kajian Mohamad Said & Yunus (2008), terdapat segelintir guru yang tidak suka menerapkan pembelajaran yang melibatkan kolaborasi dan koperatif antara murid dan bahan bantu mengajar kerana guru lebih selesa mengajar secara berpusatkan guru semata-mata. Disebabkan itu, aktiviti pembelajaran murid terlalu terhad untuk menguji dan membina kreativiti murid dalam PdP dan secara tidak langsung, guru kurang membina kreativiti murid semasa proses PdP dijalankan.

Menurut Daud et.al. (2006) pula, dalam kajiannya mengatakan bahawa guru tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran secara dua hala dengan melibatkan murid. Guru lebih suka mempraktikkan kaedah PdP tradisonal yang berpusatkan guru semata-mata dengan melaksanakan aktiviti hafalan, syarahan dan bercerita. Guru sewajarnya mempelbagaikan kaedah pengajaran dan menerapkan bahan bantu mengajar dalam PdP di sekolah.

Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa guru perlu rajin dalam mempelbagaikan BBM terhadap PdP bersama murid kerana dengan kepelbagaian BBM ia akan membantu murid lebih berfokus dalam PdP (Erixon, 2010). Oleh yang





demikian, dalam menjadikan murid cemerlang maka amat penting untuk guru memperibagakan kaedah dan bahan semasa sesi PdP di dalam kelas bagi memudahkan murid untuk memahami isi pelajaran serta menarik minat murid untuk mengikuti sesi PdP Pendidikan Islam (Esah Sulaiman, 2004; Sidek Baba, 2009)

Seterusnya, dari aspek elemen amalan penggunaan pula, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Faizah Ja'apar (2017), guru masih tidak mempelbagaikan sumber BBM dalam PdP yang mana guru lebih kerap menggunakan papan putih dan '*marker pen*' semata-mata semasa mengajar murid. Sedangkan kepelbagaian BBM amat meluas dan beraneka jenis yang boleh digunakan dan diterapkan oleh guru-guru di dalam kelas bagi menyampaikan isi pelajaran melalui BBM. Ini kerana kepercayaan mereka terhadap TMK bahawa ia kurang berkesan dalam menarik minat murid dan meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran.



Maka tidak hairanlah prestasi murid semakin merundum terutamanya murid kelas belakang kerana guru tidak mempelbagaikan BBM dalam PdP bagi memudahkan murid memahami sesuatu isi pelajaran dalam pembelajaran mereka. Rentetan ini berlaku kerana menurut Mohd Firdaus et. al. (2013) terdapat segelintir guru yang masih tidak memanfaatkan penggunaan TMK sebagai BBM dalam sesi PdP di sekolah.

Pada masa yang sama, ini dibuktikan dengan data kajian yang dibuat oleh Kamarul Azmi (2011) menunjukkan bahawa guru banyak menggunakan buku teks dalam PdP Pendidikan Islam di dalam kelas. Penggunaan komputer dan *LCD* kurang digunapakai oleh responden kajiannya semasa mengajar anak murid mereka. Penyataan ini juga disokong oleh Woody W. D. et.al (2010) dalam kajiannya mendapati isu yang



sama dimana guru lebih memfokuskan buku semata-mata sebagai BBM dalam pengajaran berbanding dengan penggunaan e-book.

Di samping itu, amalan penggunaan BBM dalam kalangan guru sering menjadi isu dan perbincangan dalam dunia pendidikan hari ini kerana sebahagian besar dalam kalangan guru masih menggunakan kaedah tradisional '*chalk dan talk*' serta menyalin nota dan latihan dalam buku semasa proses PdP di dalam kelas. Berpanduan kepada kajian Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) yang mana kajiannya mendapati bahawa guru Pendidikan Islam tidak menggunakan BBM dalam PdP dan hanya menjalankan PdP berkonsepkan pemusatan guru semata-mata berbanding pemusatan murid dan bahan.

Rentetan ini, guru kurang berminat untuk mewujudkan BBM berkonsepkan TMK dalam PdP mereka dan mereka lebih mengutamakan papan putih dan buku semata-mata sebagai BBM mereka. Pelbagai BBM berkonsepkan TMK yang boleh digunakan seperti slaid dan komputer, pembelajaran alam maya, video, gambar rajah, lagu dan grafik semasa PdP Bahasa Arab tetapi ia masih kurang digunakan oleh sebahagian guru Bahasa Arab (Mustafa, 2008). Kajian ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Azhar Ahmad et.al (2008) yang mengemukakan hasil kajiannya mengatakan bahawa guru Bahasa Arab kurang menggunakan BBM dan bahan teknologi dalam PdP di mana sekolah mereka berada di tahap yang sederhana rendah.

Selain itu, guru tidak menggunakan BBM dalam PdP kerana kaedah yang digunakan dalam PdP guru lebih berfokus kepada pengajaran bersifat satu hala yang mana hanya guru yang berinteraksi dengan murid tanpa melibatkan penglibatan murid dalam PdP secara menyeluruh atau bersifat dua hala. Guru hanya mengajar berpusatkan



guru semata-mata tanpa mengalakkan penglibatan murid secara kolaboratif dalam proses PdP di dalam kelas.

Jika dilihat kepada kajian-kajian lepas, sebahagian guru Bahasa Arab tidak mengaplikasikan BBM yang pelbagai dalam PdP. Selain itu, dalam kajian Ab. Halim et.al (2004) mendapati respondennya iaitu guru kurang menggunakan BBM dalam PdP dengan aras nilai min yang rendah manakala dari aspek kesesuaian BBM yang digunakan pula berada dalam nilai min yang rendah juga. Dalam kajiannya juga menyatakan bahawa tahap kualiti BBM yang disediakan oleh guru berada di tahap nilai min sederhana rendah. Dalam menyediakan BBM dalam sesi PdP, guru boleh mempelbagaikan sumber atau jenis BBM untuk digunakan bagi menyampaikan isi pengajaran untuk murid mengamati dan memahami pembelajaran mereka bagi sesuatu tajuk.



Jika isu ini masih berlanjutan ia serba sedikit akan membantutkan penglibatan murid dalam PdP di dalam kelas terutamanya subjek Pendidikan Islam. Ini kerana murid kurang berminat untuk mengikuti sesi PdP Pendidikan Islam sekiranya guru masih mengamalkan kaedah PdP tradisional tanpa melibatkan bahan bantu mengajar dalam penyampaian ilmu.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang akan dikaji iaitu:



1. Mengenalpasti pengetahuan guru Pendidikan Islam tentang bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP Pendidikan Islam.
2. Mengenalpasti sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP Pendidikan Islam.
3. Mengenalpasti penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap PdP dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
4. Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap PdP Pendidikan Islam.

1.5 Soalan Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian yang disenaraikan, maka timbul beberapa persoalan yang disenaraikan untuk dijawab pada akhir kajian iaitu:

1. Bagaimanakah pengetahuan guru Pendidikan Islam tentang bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP Pendidikan Islam?
2. Apakah sikap guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP Pendidikan Islam?
3. Bagaimanakah penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap PdP dalam kalangan guru Pendidikan Islam?

4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan penggunaan bahan bantu bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap PdP Pendidikan Islam.

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat satu hipotesis nol yang diuji dalam kajian ini iaitu:

H_{01} *Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan penggunaan bahan bantu bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap PdP Pendidikan Islam.*

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru Pendidikan Islam semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Pendidikan Islam yang pelbagai bidang. Pada masa yang sama ia juga untuk mengenal pasti berapa banyak dan berapa jenis alat yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam untuk menyampaikan ilmu yang pelbagai bidang terhadap murid di sekolah. Selain itu, kajian adalah untuk mengkaji pengetahuan dan sikap-sikap guru Pendidikan Islam dalam menerapkan TMK dalam PdP sebagai BBM.

Kesemua ini adalah berpandukan kepada objektif dan persoalan kajian dan pada pengakhiran kajian semuanya akan terjawab dan terungkai. Data kajian ini yang akan



memberi kepentingan sebagai bahan bukti kepada guru-guru Pendidikan Islam yang mana mereka akan merubah pandangan dan pengetahuan guru untuk mengaplikasikan BBM berunsurkan TMK dalam PdP. Pada masa yang sama, ia adalah untuk penambahbaikan sekiranya dalam sistem PdP guru terdapat lompongan dan kecacatan dalam penggunaan TMK semasa menjalankan PdP di dalam kelas. Di samping itu, ia adalah untuk rujukan dan panduan guru yang masih menganggap ketidakperluan penggunaan TMK dalam PdP guru untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid.

Seterusnya ia adalah untuk dijadikan bahan rujukan kepada pentadbir-pentadbir dan guru-guru di sekolah-sekolah rendah ataupun menengah di Malaysia untuk penambahan pengetahuan dan untuk pengaplikasian di sekolah terutamanya dalam PdP guru-guru Pendidikan Islam khususnya dan amnya untuk semua sekolah di Malaysia.

Mereka boleh menjadikan kajian ini sebagai kayu ukur dalam meningkatkan penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam PdP untuk diambil tindakan dalam menambahbaik amalan kependidikan mereka di sekolah dalam menyampaikan ilmu kepada anak murid.

Kepentingan kajian ini juga sebagai panduan dan rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Sektor Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan seterusnya peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi mengetahui sejauhmana penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam kalangan guru dan pada masa yang sama sebagai bahan bukti kepada pihak KPM, JPN dan PPD untuk mereka mengambil inisiatif dalam memperbaiki amalan PdP guru dalam mengaplikasi TMK terhadap BBM. Pada masa yang sama, pihak-pihak berkaitan boleh menjadikan data kajian ini sebagai data mereka dan mengambil tindakan dalam meningkatkan



pengetahuan serta kemahiran guru dalam penggunaan TMK dalam PdP guru di sekolah-sekolah.


Di samping itu, ia juga memberi manfaat kepada bidang ilmu Pendidikan Islam untuk berkongsi informasi dan data berkaitan dengan BBM dan TMK. Sepertimana dunia pendidikan hari ini merubah konsep dan merubah corak PdP berteraskan TMK, maka bermanfaat untuk bidang ilmu Pendidikan Islam untuk menelusuri dan meneroka dunia TMK dan BBM untuk diaplikasikan dalam bidang ilmu Pendidikan Islam kerana ia memberi manfaat kepada dunia pendidikan dan generasi kanak-kanak hari ini.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Oleh kerana kajian ini mengkaji isu berkaitan dengan elemen pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah, pengkaji mendasari kajian berpandukan kepada Teori PSA iaitu Pengetahuan, Sikap dan Amalan atau dikenali sebagai KAP iaitu '*Knowledge, Attitude, Practice*' (Mahmud dan Siarap, 2013). Teori KAP ini dipelopori oleh Ramsey dan Rickson pada sekitar tahun 1976. Teori ini menghuraikan berkaitan dengan elemen pengetahuan seseorang terhadap sesuatu perkara kemudian mempengaruhi sikapnya terhadap perkara tersebut dan diakhiri dengan menggalakkan seseorang itu membentuk suatu amalan atau tindakan terhadap perkara tersebut (Ramsey dan Rickson, 1976).

Teori KAP ini adalah salah satu pandangan dan pengubahsuaian daripada sekelompok pengkaji yang mengutamakan elemen pengetahuan sebagai pembolehubah atau elemen penting kepada pembentukan sikap dan amalan atau tingkah laku (Flamm, 2006). Pandangan daripada Kaiser et. al. (1999) turut menyokong kepada pandangan teori ini dimana elemen pengetahuan merupakan elemen asas kepada pengaruh sikap dan amalan atau tingkah laku seseorang dalam sesuatu perkara. Pengetahuan dapat ditimba dan dipertingkatkan dengan pendedahan terhadap maklumat baru melalui bacaan ilmiah, ceramah, kelas dan sebagainya yang bersifat ilmiah. Setelah ilmu seseorang itu sudah banyak maka mereka membentuk sikap yang positif dan akan mempersembahkan melalui tindakan dan amalan (Valente, 1998).

Asas teori ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan sikap lantas membentuk kepada amalan dan kepenggunaan seseorang terhadap sesuatu perkara atau benda. Apabila seseorang itu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu perkara, ia akan membentuk perubahan terhadap sikap individu tersebut samada secara positif atau negatif. Melalui perubahan sikap ini akan mendorong kepada pembentukan amalan dan penggunaan individu tersebut terhadap perkara atau benda tersebut dalam kehidupan sehariannya (Mohd Hilmi Mahmud & Kamaliah, 2013). Ketiga-tiga komponen dan elemen ini merupakan tapak asas kepada pembentukan teori KAP.



Rajah 1.1. Kerangka Teori K-A-P (Ramsey dan Rickson, 1976)



Teori KAP asasnya dibangunkan adalah bertujuan untuk mendapatkan tinjauan berkaitan dengan kesedaran alam sekitar dan pembangunan lestari. Namun begitu, teori ini juga diterapkan dalam kajian berkaitan dengan perancangan kekeluargaan dan populasi sesebuah tempat. Teori ini direka untuk mengukur sejauh mana perkembangan terhadap idea dan organisasi perancangan keluarga diwujudkan dalam kalangan mereka yang berlainan populasi dan lantas memberi informasi mengenai pengetahuan, sikap dan amalan dalam perancangan keluarga yang boleh diaplikasikan untuk tujuan program di sekitar dunia (Ratcliffe 1976).

Pada masa yang sama, teori ini juga turut digunapakai dan berkembang pesat dalam dunia primer keperluan kesihatan dan teori ini juga kerap digunapakai oleh pihak-pihak NGO kebangsaan mahupun antarabangsa. Oleh yang demikian, teori KAP ini telah diambil sebagai metodologi untuk menyiasat dan mengkaji perkara berkaitan dengan bidang kesihatan dalam aspek pengetahuan, sikap dan amalan seseorang individu dan sesebuah masyarakat atau kelompok amalan kesihatan dalam kehidupan seharian (Hausmann-Muela et al., 2003, Manderson dan Aaby, 1992). Walaubagaimanapun, teori ini bukan sahaja diaplikasikan dalam bidang kesihatan dan perubatan semata-mata tetapi turut diaplikasi dan digunapakai dalam bidang kajian berkaitan dengan pendidikan, kepenggunaan, sukan dan ekonomi.


1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kerangka konseptual kajian ini, ia berdasarkan kepada Teori KAP iaitu 'knowledge, attitude and practice'. Kajian ini akan dilihat dari beberapa aspek yang



akan dinilai oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu dari aspek pengetahuan guru Pendidikan Islam mengenai BBM berunsurkan TMK, aspek sikap guru Pendidikan Islam dalam penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Pendidikan Islam dan seterusnya dari aspek penggunaan BBM berteraskan TMK oleh guru Pendidikan Islam dalam PdP di sekolah.

Dalam kajian ini, kerangka konseptual dalam susur galur perjalanan kajian ini adalah berdasarkan adaptasi Teori KAP dalam menilai dan mendapatkan hasil daripada kajian ini. Pada masa yang sama, item-item yang dinilai dalam pengetahuan, sikap dan amalan diambil dan diadaptasi dari beberapa sumber model kajian yang lain.



Rajah 1.2. Kerangka Konsep Kajian Penggunaan BBM Berunsurkan TMK dalam PdP Pendidikan Islam



1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat batas kajian dalam mengumpul dan mendapatkan satu hasil kajian yang berfokus dan sistematik.

1.10.1 Batasan Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan instrumen soal selidik dan diedarkan kepada responden menggunakan instrumen borang soal selidik untuk dijawab. Seterusnya penilaian data diukur menggunakan kaedah skala Likert dengan berskala 1 sehingga 5 bermula daripada sangat tidak tahu kepada sangat tahu, sangat tidak setuju kepada sangat setuju dan tidak pernah kepada sangat kerap.



1.10.2 Batasan Lokasi

Untuk penentuan lokasi, bagi mengukur pengetahuan, sikap dan penggunaan BBM berunsurkan TMK dalam proses PdP Pendidikan Islam dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah di kawasan negeri Perak yang mempunyai 11 daerah dan sebanyak 488 buah sekolah di Perak. Pengkaji menjalankan kajian secara rawak mudah dengan memilih 5 daerah sahaja iaitu daerah Kinta Utara, Kuala Kangsar, Larut Matang Selama, Batang Padang dan Manjung. Pemilihan ini dibuat kerana kelima-lima daerah ini mempunyai sekolah dan guru Pendidikan Islam yang paling ramai dan pelbagai latar belakang demografi.



1.10.3 Batasan Responden

Berdasarkan kepada kajian dalam isu ini, maka pengkaji memilih responden seramai 320 orang yang terdiri daripada beberapa ciri atau kriteria sebagai responden kajian ini iaitu:

1. Guru Pendidikan Islam,
2. Guru yang mengajar di sekolah rendah,
3. Guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam.
4. Guru yang mengajar di negeri Perak.

1.10.4 Batasan Bidang dalam Matapelajaran

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mengkhususkan kepada mana-mana tajuk atau bidang dalam Pendidikan Islam. Fokus dan kajian mencakupi subjek Pendidikan Islam tidak kira bidang apa yang diajar oleh guru Pendidikan Islam tersebut. Ini kerana, kajian ini tidak terikat dengan jadual dan waktu yang terhad dalam penilaian pengumpulan hasil kajian kerana pengkaji mempunyai masa yang panjang untuk mengumpul dan menganalisis hasil kajian berdasarkan instrumen yang diedarkan.

1.11 Definisi Operasional

Kajian ini mempunyai beberapa kata kunci sebagai kata operasi kajian yang mana pengkaji akan mendefinisikan secara mendalam terhadap kata-kata kunci dalam kajian ini. Kata kunci tersebut adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang akan dijalankan.



1.11.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan bantu mengajar (BBM) adalah salah satu elemen penting dalam PdP khususnya subjek Pendidikan Islam (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Ini kerana BBM merupakan satu benda yang membantu guru untuk memudahkan cara penyampaian sesuatu ilmu atau tajuk kepada anak murid disamping membantu mempermudah anak murid untuk memahami dan mengaplikasikan sesuatu isi pelajaran (Saifuddin & Muhammad Idham, 2017). BBM adalah suatu alat atau bahan yang dicipta dan direka untuk digunapakai dalam PdP dalam membantu murid untuk menimba ilmu pengetahuan (Mohd Khairuddin, 2005).

Terdapat pelbagai jenis BBM yang boleh digunapakai oleh guru dalam PdP Pendidikan Islam. Menurut Wifa' al-Tajl dan Rana al-Fa'uri (2006) BBM adalah segala benda atau perkara yang dapat diguna dan dialami oleh murid dalam pembelajaran mereka. Manakala dalam maksud yang sama juga menurut pandangan Nur Syafiqah dan Nurul Nazirah (2018) menghuraikan bahawa BBM merangkumi segala benda yang boleh dilihat, disentuh, didengar, dihidu, dibaca, digunapakai dan sebagainya.

Menurut Pathak dan Chaudhary (2012) pula, terdapat tiga pembahagian BBM dalam sesebuah PdP iaitu bahan visual, audio dan visual- audio. Manakala Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menyatakan bahawa BBM terbahagi kepada dua bentuk iaitu sumber semulajadi dan sumber elektronik atau TMK yang mana sumber semulajadi terbahagi kepada dua iaitu sumber asas dan sumber sampingan. Maka guru boleh mempelbagaikan sumber dan jenis BBM dalam pengajaran mereka seperti bahan mawjud yang berada disekeliling bilik darjah, bahan bercetak, gambar-gambar, lagu, grafik, dan sebagainya (Mohammad Amir Wan Harun et al, 2014).





Walaupun, dalam pemilihan dan pengaplikasian BBM dalam proses PdP bersama murid, BBM yang digunakan mestilah mempunyai ciri- ciri dan kriteria yang baik. Menurut Alizah Lambri dan Zamri Mahamood (2019) menyenaraikan ciri- ciri BBM yang baik iaitu antaranya,

1. BBM mestilah sesuai dan berkait dengan isi kandungan pelajaran dan aktiviti Pdp.
2. BBM mempunyai idea- idea dan reka bentuk yang asli dan tersendiri.
3. BBM yang digunakan mestilah dapat membantu guru dan murid dalam memahami isi pelajaran yang dibincangkan.
4. BBM mestilah menarik dan berkesan terhadap pembelajaran murid.
5. BBM yang digunakan mestilah mengandungi nilai- nilai murni dan positif.



Walaupun dalam kajian ini, aspek BBM yang berteraskan teknologi atau TMK akan diukur dan dinilai dalam dunia pendidikan terutamanya dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah semasa menjalankan PdP di dalam kelas. Perkara yang akan dinilai dan diukur oleh pengakaji dalam kajian ini adalah dari aspek sikap para guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan TMK sebagai BBM dalam sesi PdP. Ini kerana sikap dan persepsi para guru terhadap TMK yang akan menentukan penggunaan TMK sebagai BBM dalam pengajaran mereka (Saemah Rahman, 2018).

Ini kerana sikap meliputi dari aspek motivasi, minat, keyakinan atau kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara. Sekiranya guru Pendidikan Islam mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kepentingan TMK dan percaya bahawa ia mampu membantu mereka dalam menyampaikan ilmu kepada murid serta mempunyai





minat yang mendalam terhadap TMK, maka secara tidak langsung para guru Pendidikan Islam akan sedaya upaya dalam menerapkan TMK sebagai bahan bantu mengajar dalam sesi PdP di sekolah.

1.11.2 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah proses pemprosesan data menggunakan teknologi. Alam teknologi ini amat luas ruang lingkup perbincangannya. Ia berkisar segala konsep dalam pengurusan dan pemprosesan data maklumat dengan menggunakan komputer atau perisian untuk mendapatkan, menyimpan, melindungi, memproses, memindah maklumat tanpa mengira waktu, tempat dan masa (Wan Khairuddin, 2006).



Dalam dunia pendidikan, TMK digunakan untuk menyimpan, memproses dan menyebarkan maklumat berteraskan teknologi (Dr. Muhammad Yaumi, 2018). Ia juga diketahui umum sebagai satu bentuk pengaliran maklumat yang sangat pantas. Ia tidak terhad kepada penggunaan komputer dan internet semata-mata tetapi ia juga melibatkan penggunaan televisyen, telegraf, telefon mudah alih, faks dan sebagainya (Yusof & Tahir, 2017) yang berfungsi sebagai medium PdP dalam dunia pendidikan (Rofishah, 2005). Menurut Zamri Mahamod (2018) mengatakan bahawa guru perlu mengintegrasikan dan menggunakan alat-alat elektronik secara meluas dalam proses PdP di dalam kelas.





Manakala menurut Zaki (2014), Bakar et al. (2016) dan Abdul Manaf et.al (2006) mengatakan bahawa TMK dalam pendidikan berfungsi sebagai medium proses menyampaikan maklumat secara signifikan serta ia membantu menyeronokkan suasana Pdp (Ab. Rahman et. al., 2015) serta penyebaran maklumat dan ilmu melalui integrasi media teks, grafik, audio, video, animasi serta penggunaan komputer sebagai agen persembahan. dengan pengintegrasian media-media tersebut, ia akan mewujudkan pengajaran guru yang lebih kreatif, inovatif dan menggalakkan komunikasi dua hala bersama murid (Siti Fatimah, 2010).

Menurut Heinech et. al. (2001) menyatakan bahawa media dan TMK membawa maksud alat dan medium untuk menyampaikan maklumat daripada sumber penyampai kepada penerima maklumat seperti filem, audio, video, gambar, risalah dan sebagainya (Maimun Aqsha Lubis et al, 2016). Ia juga dirumuskan oleh Saemah Rahman & Zamri Mahamod (2018) bahawa TMK dan media merupakan bahan media atau peralatan yang digunakan dan dibina bertujuan untuk menyampaikan sesuatu pengetahuan atau maklumat kepada pihak kedua dan ketiga.

Walaupun bagaimanapun, dalam membina dan mengintegrasikan TMK di dalam sebuah Pdp yang berkualiti dan sistematik, ilmu pengetahuan perlu ada dalam diri seorang pendidik. Guru perlu memahami dan mendalami selok belok berkaitan dengan perisian TMK sebagai BBM yang sesuai dengan tahap dan aras pemikiran murid dan demografi Pdp (Rozinah, 2005). Kenyataan ini juga disokong oleh pandangan Zamri Mahamod (2018) yang mana beliau mengatakan bahawa pengetahuan merupakan asas penting terhadap guru untuk mengaplikasikan TMK dalam sistem pendidikan.





Oleh itu, kajian ini akan dijalankan adalah kerana TMK amat bersesuaian diaplikasikan dalam PdP Pendidikan Islam kerana dalam setiap bidang dalam matapelajaran Pendidikan Islam boleh menggunakan BBM berkonsepkan TMK yang bersesuaian. Menurut Azhar & Nurul Huda (2009) menyatakan bahawa dalam matapelajaran Pendidikan Islam terdapat tema-tema atau tajuk-tajuk yang sesuai untuk menggunakan BBM berkonsepkan TMK dalam sesebuah PdP di dalam kelas.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji akan meneroka dan merungkai hal berkaitan dengan penggunaan TMK sebagai BBM dalam matapelajaran Pendidikan Islam oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Pengkaji akan cuba untuk mengkaji pengetahuan serta sikap guru Pendidikan Islam berkaitan dengan TMK sebagai BBM dalam sesebuah PdP mereka di sekolah. Pengetahuan guru terhadap TMK akan diteroka dan dikaji sejauhmana tahap pengetahuan dan maklumat para guru berkaitan dengan TMK. Ini kerana pengetahuan dan ilmu berkaitan TMK amat penting dalam diri seseorang guru bagi mengaplikasikan TMK dalam pengajaran mereka (Kamarul Azmi, 2007).

Di samping itu, kajian ini menganalisis berkaitan dengan apakah jenis alat TMK yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam dalam PdP di dalam kelas bersama murid. Ini kerana melalui pengaplikasian alat dan bahan TMK yang digunakan dalam pengajaran para guru yang akan menentukan penggunaan TMK dalam kalangan guru semasa melaksanakan PdP. Ini kerana terdapat pelbagai alat TMK yang boleh digunapakai dalam sesi PdP yang mampu menarik minat murid semasa mereka menjalani proses pembelajaran (Kamarul Azmi, 2007).



1.11.3 Proses Pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) mengatakan proses adalah satu cara atau kaedah yang diikuti secara berturut-turut dan berperingkat-peringkat yang dilakukan oleh seseorang dalam melaksanakan atau mendapatkan sesuatu perkara. Maka dalam proses pendidikan di sekolah, terdapat pelbagai kaedah dan langkah yang perlu diikuti oleh guru dalam melaksanakan proses pengajaran di dalam kelas yang merangkumi sebelum, semasa dan selepas pengajaran guru.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula ialah sesi pembelajaran murid di dalam kelas dalam mendapatkan dan memahami sesuatu silibus atau ilmu disamping dibimbing oleh guru dalam menyampaikan ilmu kepada anak murid (KPM, 2017).

Istilah pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan proses pembelajaran antara dua pihak atau dua hala. Konsep pendekatannya ialah berpusatkan guru dan murid dimana murid lebih berperanan dalam menuntut, mencari dan menjelajah ilmu manakala guru sebagai berperanan sebagai pembimbing dalam menyampaikan ilmu terhadap murid di dalam kelas atau sekolah.

Oleh yang demikian, dalam pelaksanaan PdP perlu diselarikan dengan penggunaan BBM yang berkonsepkan TMK supaya pendekatan berpusatkan murid dapat diterapkan. Ini kerana, pendekatan berpusatkan murid penting dalam sesebuah PdP di dalam kelas kerana ia membantu murid untuk menterjemahkan dan memahami sesuatu isi pelajaran. Dengan penggunaan BBM TMK, secara tidak langsung ia juga membantu murid untuk melibatkan diri secara langsung dalam PdP secara proaktif (Che Suriani, 2014). Maka dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji berkenaan sejauhmana PdP yang dijalankan oleh Guru Pendidikan Islam dengan penerapan BBM

berkonsepkan TMK di sekolah dapat membuktikan penggunaan BBM membentuk suasana pembelajaran di dalam kelas berpusatkan murid.

1.11.4 Guru Pendidikan Islam (GPI)

Guru adalah seseorang yang menyampaikan ilmu atau pengetahuan kepada seseorang atau dikenali sebagai anak murid disamping membimbing seseorang itu berada di jalan yang benar. Guru juga dikenali sebagai cikgu, ustaz, pendidik, murabbi, pensyarah dan penceramah. Tugas guru adalah sebagai pembimbing, fasilitator, penyampai ilmu dan maklumat (Maimun Aqsha, 2011; Kamarul Azmi & Ab. Halim 2008). Guru juga merupakan pewaris Rasul kerana guru memikul tanggungjawab mendidik dan mengajar orang lain sepertimana tugas dan peranan seorang Rasul. Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 151:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ
وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

Maksudnya: “(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepadamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat) dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

(Pustaka Darul Iman, 2007)

Pendidikan Islam ialah pendidikan yang berpandukan kepada kurikulum syariat Islam yang mempunyai ciri-ciri penetapannya (Abuddin, 1998). Manakala menurut Ahmad (1980) mengatakan bahawa Pendidikan Islam ialah bimbingan dari aspek jasmani dan rohani berpandukan hukum hakam Islam dalam melahirkan insan yang berpribadian tinggi mengikut ukuran Islam. Maka secara khususnya, guru Pendidikan Islam ialah guru yang mengajar dan mendidik murid di sekolah atau institut dalam subjek Pendidikan Islam.

Guru Pendidikan Islam ialah seseorang yang mempunyai ikhtisas perguruan diperingkat diploma atau sarjana muda atau setaraf dengannya dari sesebuah institusi untuk mengajar matapelajaran Pendidikan Islam yang pelbagai bidang iaitu Ibadah, Akidah, Sirah, Feqah, Tajwid, Tilawah al-Quran, Adab dan Jawi (Siti Rashidah et al., 2016).

1.12 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji telah menyenaraikan dan menghurai serba sedikit susur galur tentang gambaran berkenaan kajian. Pengkaji telah menyatakan isu pernyataan masalah dan dihuraikan melalui latar belakang kajian seterusnya merangka objektif kajian dan disertakan dengan soalan kajian. Seterusnya pada bab akan datang akan dilanjutkan dengan perbincangan kajian keperpustakaan iaitu berkaitan dengan kajian literatur setiap kompenan berkenaan kajian ini.